

Keberkesanan OPEC Menaikkan Harga Minyak

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Keadaan ekonomi dunia masih lembap dan tidak menentu. Arah aliran dagangan dan pelaburan masih lemah dan di bawah jangkaan. Kesannya, sumbangan sektor antarabangsa kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) Malaysia turut terjejas. Pertumbuhan ekonomi sesetengah rakan dagang Malaysia turut terjejas oleh kelembapan ekonomi dunia. Ekonomi China dan Jepun tumbuh dengan perlahan. Sebaliknya, ekonomi Amerika Syarikat (AS) tumbuh dengan agak baik. Namun, ketidakpastian polisi Presiden Trump memberikan risiko menurun kepada Malaysia. Ketiga-tiga negara tersebut, iaitu China, Jepun dan AS menyumbangkan satu pertiga daripada jumlah nilai dagangan Malaysia. Situasi ini melambangkan kesan kelembapan sektor antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia. Oleh yang demikian, kebergantungan kepada permintaan domestik amat penting untuk pertumbuhan ekonomi.

Terdapat dua isu utama yang mempengaruhi arah aliran perdagangan antarabangsa kini. Pertama, penurunan harga minyak yang telah berlarutan hampir dua tahun. Kedua, peningkatan sentimen perlindungan (*protectionism*) di kalangan ekonomi utama dunia. Kedua-dua isu ini, mempengaruhi permintaan untuk eksport Malaysia secara langsung melalui perdagangan dua hala dengan sesetengah negara, atau secara tidak langsung melalui kelembapan perdagangan global. Keluaran ini menumpukan kepada isu pertama, penurunan harga minyak.

Minyak petroleum mentah, atau ringkasnya minyak, merupakan komoditi strategik yang bukan sahaja sering mempengaruhi ekonomi dunia, bahkan ianya turut mempengaruhi keadaan geopolitik antarabangsa. Ianya dijadikan alat strategik oleh kuasa besar ekonomi dunia. Oleh kerana kedudukannya sebagai komoditi strategik, harganya sering dipengaruhi oleh tindak-tanduk ekonomi besar dunia.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Minyak diniagakan di dalam pasaran oligopoli yang dipelopori oleh beberapa pengeluar gergasi walaupun sifatnya yang seragam. Biasanya komoditi bersifat seragam diniagakan di dalam pasaran bebas, di mana tiada pengeluar yang mampu mengawal harga. Akhirnya, harga keseimbangan pasaran berkisar sekitar kos purata pengeluaran.

Pasaran minyak bersifat oligopoli kerana dua sebab utama. Pertama, kos pengeluaran yang mahal, maka tidak banyak pengeluar yang mampu menceburkan diri dalam perniagaan ini. Kos pengeluaran yang mahal juga berkaitan dengan pemilikan teknologi untuk meneroka dan mengeluarkan minyak. Kedua, industri minyak merupakan suatu industri yang dikawal di kebanyakan negara. Malahan, kebanyakan pengeluar minyak merupakan syarikat milik negara sepenuhnya atau secara kerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi minyak dunia.

Dengan struktur industri sedemikian, pengeluaran minyak di kebanyakan negara dikawal sepenuhnya oleh kerajaan. Negara-negara pengeluar utama dunia telah berpakat menubuhkan kartel yang dikenali sebagai Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC). Negara-negara OPEC cuba mempengaruhi harga minyak dengan mengawal penawaran minyak dunia. Ianya dilakukan dengan mengenakan kuota pengeluaran untuk setiap negara anggota OPEC.

Negara-negara OPEC mengeluarkan hampir separuh pengeluaran minyak dunia. Selebihnya dikeluarkan oleh negara-negara pengeluar kecil seperti Malaysia dan juga lain-lain negara pengeluar besar. Negara pengeluar utama minyak bukan OPEC termasuk Amerika Syarikat (AS) dan Rusia.

Episod kejatuhan harga minyak pada kali ini yang berlanjutan hampir dua tahun disebabkan oleh penawaran minyak yang berlebihan di pasaran dunia. Sebab utama berlaku lebih penawaran adalah bermula dari pengeluaran minyak syal oleh AS. Pengeluar-pengeluar minyak AS mampu mengeluarkan minyak dari celah-celah batu dengan teknologi penggerudian horizontal dan pemecahan hidraulik. AS adalah pengimport utama minyak dunia terutama dari OPEC. Dengan peningkatan pengeluaran minyak syal, AS mengurangkan import minyak dengan mendadak

menyebabkan harganya menjunam kerana penawaran yang berlebihan di pasaran dunia.

Kejatuhan harga minyak memberi kesan kepada perdagangan antarabangsa kerana permintaan untuk eksport dari negara-negara pengeluar minyak menurun. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kesan tindak balas berantai antara negara-negara dunia yang menyebabkan kelembapan ekonomi dunia. Akhirnya permintaan untuk minyak dunia turut menurun kerana kelembapan ekonomi.

OPEC pada mulanya telah mendiamkan diri tanpa campur tangan untuk mempengaruhi penawaran dunia dengan strategi untuk membiarkan harga turun serendah mungkin untuk memberi tekanan kepada pengeluar minyak syal AS. Pengeluaran minyak syal mempunyai kos yang tinggi. Justeru dengan harga minyak yang rendah pengeluaran mereka tidak ekonomikal. Sebaliknya kebanyakan pengeluaran dari negara-negara OPEC mempunyai kos yang rendah, terutama Saudi Arabia. Namun strategi ini tidak berjaya kerana pengeluar minyak syal AS menjadi semakin efisien sehingga kos pengeluaran mereka semakin rendah. Sementara itu, negara-negara OPEC termasuk Saudi Arabia terpaksa menanggung kehilangan hasil yang besar.

Berikutan dengan itu, pada penghujung tahun lepas OPEC, serta negara pengeluar utama bukan OPEC termasuk Rusia, telah bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran. Harga minyak telah meningkat sedikit di awal tahun ini. Namun, harga minyak dijangka tidak akan meningkat melebihi 60 dolar AS setong kerana dua sebab utama.

Pertama, AS menjadi penghalang utama, kerana mereka tidak termasuk di dalam perjanjian pengawalan pengeluaran. Peningkatan harga minyak merupakan berita gembira untuk pengeluar minyak syal AS. Mereka akan meningkatkan pengeluaran. Kedua, perjanjian kuota OPEC dan lain-lain negara bukan OPEC amat rapuh. Kebanyakan negara dijangka tidak akan mematuhi perjanjian untuk meraih keuntungan dari kenaikan harga.

Perlu diingat, episod naik turun harga minyak yang menjadi kebimbangan dunia kini adalah isu jangka pendek. Yang lebih penting, harga minyak sentiasa terdedah kepada

tekanan menurun dari segi jangka panjang. Antara lain, ianya disebabkan oleh peningkatan teknologi dan kecekapan pengeluaran, pemprosesan dan sebagainya. Dalam pada itu, perkembangan produk gantian menggunakan tenaga yang boleh diperbaharui serta peningkatan teknologi kenderaan elektrik akan mengurangkan permintaan untuk minyak. Malah, penurunan harga minyak sepatutnya dialu-alukan kerana ianya akan mengurangkan kos pengeluaran secara keseluruhannya. Ianya baik untuk ekonomi. Apa yang berlaku kini adalah bertentangan dengan konsep persaingan bebas yang dikatakan baik untuk ekonomi.